

# Penjawat awam dapat RM2,000, pesara RM1,000

**PETALING JAYA:** Kerajaan bersetuju memberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

Kerajaan juga akan memberi RM1,000 kepada semua kakitangan Jawatan Utama Sektor Awam melibatkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia Madani di Dewan Rakyat di sini semalam.

Menurut beliau, bayaran insentif RM1,000 turut bakal dikreditkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.

“Bayaran ini akan dibuat secara sekali gus pada akhir Februari 2024 bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak-anak serta persiapan menjelang Ramadan dan Syawal,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan bersetuju supaya liputan Skim Ex-Gratia



**ANWAR Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia Madani di Dewan Rakyat semalam.**

Bencana Kerja ditambah baik dan had siling gaji ditingkatkan RM4,000 kepada RM6,000 selaras dengan pindaan Skim Pekeso bagi sektor swasta bagi memastikan nasib penjawat awam terbela.

Katanya, kenaikan had siling gaji tersebut membolehkan ka-

dar bayaran faedah di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja meningkat sehingga 50 peratus atau sekitar RM1.6 juta.

“Dengan kata lain, penjawat awam atau waris akan menikmati tuntutan pampasan yang lebih tinggi sekiranya berlaku kemalangan semasa ber-

tugas,” katanya.

Kata Anwar, kerajaan sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam yang kali terakhir pada tahun 2012.

Beliau berkata, Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) ini akan meneliti keperluan semua skim perkhidmatan dan dijangka dimuktamadkan penghujung tahun hadapan.

Kata beliau, sebagai langkah menggalakkan penghasilan batik Malaysia berkualiti tinggi, kerajaan bersetuju memperluas Kemudahan Bantuan 109 Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk meliputi pakaian batik Malaysia untuk semua penjawat awam yang layak.

Dalam pada itu Anwar berkata, kerajaan menyarankan majikan swasta turut sama mengkaji kesesuaian saraan serta ganjaran kepada pekerja mengambil kira cabaran kos sara hidup semasa.

“Tahun hadapan, kerajaan akan mula mempergiat sesi libat urus. Saya menyeru untuk pihak swasta memberi ganjaran terutamanya syarikat yang mempunyai keuntungan yang munasabah,” katanya.